

Kanak-kanak dan remaja mempunyai semua hak orang dewasa. Di samping itu mereka juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang kemudaratan. Membuat laporan tentang kanak-kanak dan remaja melibatkan sekatan dan dimensi tambahan ini, khususnya dalam era semasa kita dapati hampir mustahil untuk membataskan jangkauan sesuatu cerita. Dokumen ini bertujuan untuk menyokong hasrat murni wartawan yang beretika – memberi khidmat demi kepentingan awam untuk kebenaran tanpa menjejaskan Hak Asasi Kanak-kanak.

Ada kalanya tindakan membuat laporan tentang kanak-kanak menyebabkan mereka atau kanak-kanak menghadapi risiko hukuman atau keaiban. Apabila ragu-ragu wartawan harus berhati-hati dan memikirkan Hak Asasi Kanak-kanak yang harus dilindungi daripada kemudaratan. Oleh sebab keadaan ini bukan selalunya jelas, wartawan digalakkan untuk berunding dengan kakitangan UNICEF atau orang lain demi kepentingan kanak-kanak itu.

I. PRINSIP

1. Maruah dan hak setiap kanak-kanak harus dihormati dalam apa jua keadaan.
2. Dalam bertemu ramah dan membuat laporan tentang kanak-kanak, perhatian khusus harus diberikan kepada hak setiap kanak-kanak kepada privasi dan kerahsiaan, mendengar pandangan mereka, turut sama dalam keputusan yang dibuat berkaitan dengan mereka dan dilindungi daripada kemudaratan dan hukuman, termasuk potensi kemudaratan dan hukuman.
3. Kepentingan bahawa setiap kanak-kanak harus dilindungi mengatasi pertimbangan yang lain, termasuk sokongan bagi isu kanak-kanak dan Hak Asasi Kanak-kanak.
4. Apabila mencuba menentukan kepentingan seorang kanak-kanak, Hak Asasi Kanak-kanak agar pandangan mereka diambil kira, harus diberi perhatian berat dengan sewajarnya selaras dengan usia dan kematangan mereka.
5. Mereka yang paling hampir dengan situasi kanak-kanak dan paling mampu menilainya harus dirundingi tentang kerumitan dari segi politik, sosial dan budaya bagi sebarang laporan yang dibuat.
6. Jangan menerbitkan cerita atau imej yang mendatangkan risiko kepada kanak-kanak, saudara kandung atau rakan sebaya walaupun identitinya diubah, dikaburkan atau tidak digunakan.

II. GARIS PANDUAN UNTUK BERTEMU RAMAH DENGAN KANAK-KANAK

1. Jangan memudaratkan kanak-kanak; elakkan soalan, sikap atau ulasan yang bersifat menilai atau tidak peka kepada nilai budaya dan meletakkan kanak-kanak itu dalam keadaan bahaya atau memalukan kanak-kanak itu atau membangkitkan semula kesengsaraan dan kepiluan hasil daripada kejadian yang menyebabkan trauma.
2. Jangan mengamalkan diskriminasi apabila memilih kanak-kanak untuk ditemu ramah kerana jantina, bangsa, usia, agama, status, latar belakang pendidikan atau kemampuan fizikal.

3. Jangan menyuruh kanak-kanak berlakon. Jangan menyuruh kanak-kanak menceritakan sesuatu cerita atau melakonkan sesuatu yang bukan sebahagian daripada kisah mereka yang sebenar.
4. Pastikan kanak-kanak itu dan penjaganya tahu bahawa mereka bercakap dengan wartawan. Jelaskan tujuan temu ramah dan kegunaannya.
5. Minta izin daripada kanak-kanak dan penjaganya bagi semua temu ramah, merakam pita dan, jika perlu, membuat foto dokumentari. Apabila perlu dan sesuai keizinan ini harus dibuat secara bertulis. Keizinan harus diperoleh dalam keadaan bahawa kanak-kanak itu dan penjaganya tidak dipaksa dengan apa cara jua pun dan memahami bahawa mereka adalah sebahagian daripada cerita yang mungkin disebar dalam negara dan secara global. Ini biasanya dapat dipastikan hanya jika keizinan itu diperoleh dalam bahasa kanak-kanak itu dan keputusan itu dibuat dengan berunding dengan orang dewasa yang dipercayai oleh kanak-kanak itu.
6. Beri perhatian kepada di mana, dan bagaimana kanak-kanak itu ditemu ramah. Bataskan bilangan penemu ramah dan juru gambar. Cuba pastikan bahawa kanak-kanak selesai dan dapat memberitahu cerita mereka tanpa tekanan luar, termasuk tekanan daripada penemu ramah. Dalam temu ramah filem, video dan radio, pertimbangkan apakah pilihan latar belakang visual atau audio dapat membayangkan tentang kanak-kanak itu, tentang kehidupan dan ceritanya. Pastikan bahawa kanak-kanak tidak dibahayakan atau terjejas dengan menunjukkan rumah mereka, masyarakat atau di mana mereka berada.

III. GARIS PANDUAN BAGI PELAPORAN TENTANG KANAK-KANAK

1. Jangan mengaibkan mana-mana kanak-kanak: Elakkan mengkategorikan atau membuat huraian yang mendedahkan kanak-kanak kepada tindakan balas termasuk kecederaan fizikal atau psikologi, atau penganiayaan sepanjang hidup, diskriminasi atau penolakan oleh masyarakat tempatan.
2. Penemu ramah harus selalu memberi konteks yang tepat bagi cerita atau imej kanak-kanak.
3. Selalu ubah nama dan mengaburkan identiti visual mana-mana kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai
 - Mangsa penganiayaan atau eksploitasi seks,
 - Pelaku penganiayaan fizikal atau seks,
 - Positif HIV, menghidap penyakit AIDS atau meninggal kerana AIDS kecuali kanak-kanak, ibu atau penjaga memberi persetujuan mereka,
 - Dituduh atau disabit kesalahan melakukan jenayah.
4. Dalam keadaan risiko atau potensi risiko menghadapi kemudaratan atau hukuman, ubah nama, kaburkan identiti visual mana-mana kanak-kanak yang dikenal pasti sebagai:
 - Askar kanak-kanak semasa atau bekas askar kanak-kanak.
 - Peminta perlindungan, pelarian dan orang tidak bertempat.

5. Dalam hal yang tertentu, menggunakan identiti kanak-kanak – nama dan/atau imej yang dapat dikenali – adalah demi kepentingan kanak-kanak itu. Walau bagaimanapun, apabila identiti kanak-kanak itu digunakan, mereka masih perlu dilindungi daripada kemudaratan dan disokong apabila berlaku pengaiban dan balas dendam. Beberapa contoh tentang hal yang khusus ini adalah seperti yang berikut:
 - Apabila kanak-kanak memulakan hubungan dengan wartawan, mereka mahu menggunakan hak mereka dari segi kebebasan bercakap dan pandangan mereka didengar.
 - Apabila kanak-kanak merupakan sebahagian daripada program aktivisme yang kekal atau pergerahan sosial dan mahu dikenal pasti demikian.
 - Apabila kanak-kanak terlibat dengan program psikososial dan mendakwa bahawa nama dan identiti mereka sebagai sebahagian daripada perkembangan mereka yang sihat.
6. Sahkan ketepatan bagi apa yang akan diperkatakan oleh kanak-kanak itu, sama ada dengan kanak-kanak lain atau orang dewasa, lebih baik lagi dengan kedua-duanya, sekali.
7. Apabila ragu-ragu tentang sama ada kanak-kanak itu menghadapi risiko, laporkan keadaan umum bagi kanak-kanak dan bukan tentang seseorang kanak-kanak, walaupun cerita itu bernilai berita.

IV. PENGGUNAAN BAHAN UNICEF

Semua bahan UNICEF dilindungi oleh hak cipta, termasuk teks, gambar, imej dan pita video. Keizinan untuk mengeluarkan semula mana-mana bahan UNICEF harus diminta daripada pejabat UNICEF asal, dan hanya akan diluluskan dengan syarat bahawa prinsip dan garis panduan dalam dokumen ini dipatuhi.

Sumber: Konvensyen tentang Hak Asasi Kanak-kanak, Hak Asasi Kanak-kanak dan Media; Garis Panduan bagi Wartawan, Gabungan Persatuan Wartawan Antarabangsa: Media dan Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan Khusus (dokumen dalaman). Bahagian Komunikasi UNICEF Dan Perundingan Antarabangsa Kedua tentang HIV/AIDS dan Hak Asasi Manusia, Setia Usaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Petikan daripada <http://www.unicef.org/media>

BAHAN BACAAN YANG DICADANGKAN

1. Children, the UN Convention and the Media <http://www/cqcm.org/kidsfirst/html/info/childun.htm>
2. Children and the Media: Briefing <http://www.unicef.org/magic/.briefing/childmedia.html>
3. Putting Children in the Right – Resources for Journalists http://www.unicef.org/magic/resources/resources_for_journalists.html